



# MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

KE ARAH KECEMERLANGAN SUKAN

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Kami mempelawa **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan **KONTRAK** di **PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN PARALIMPIK KAMPUNG PANDAN, KUALA LUMPUR** seperti berikut:-

BIL	JAWATAN	KUMPULAN	KEKOSONGAN
1.	PEGAWAI DIETETIK	A	1
2.	CHEF DE PARTIE	B	1
3.	PEMBANTU PENTADBIRAN	C	1
4.	TUKANG MASAK	C	7
5.	KREW PERKHIDMATAN	D	3
6.	KREW STEWARD	D	2

\* Sila layari laman web Rasmi MSN <https://www.nsc.gov.my/>

### CARA MEMOHON

- Semua permohonan hendaklah disertakan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - Salinan sijil akademik Ijazah/Diploma/PMR/PT3/SPM dan setaraf;
  - Salinan sijil-sijil kemahiran yang berkaitan;
  - Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
  - Salinan Kad Pengenalan.
- Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**.

#### ALAMAT DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN:

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **16 Mei 2021 (Jumaat)** melalui emel [recruitment@nsc.gov.my](mailto:recruitment@nsc.gov.my) ATAU dialamatkan kepada:-

**MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA**  
Cawangan Sumber Manusia  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur

\* Pemohonan yang dihantar melalui pos hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon di bahagian atas sebelah kiri sampul surat.

**JAWATAN : PEGAWAI DIETETIK**  
**KUMPULAN : A**  
**KEKOSONGAN : SATU (1)**

**Syarat Lantikan:**

- (a) Calon berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (b) Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memperolehi Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu; **DAN**
- (c) Ijazah sarjana muda sains kepujian dalam bidang dietetik, pemakanan atau sains pemakanan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang ekonomi rumah tangga (*home economics*) serta memiliki diploma pasca siswazah dalam bidang dietetik yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (e) Keutamaan : Berpengalaman dalam bidang Dietetik, pemakanan atau sains pemakanan.
- (f) Gaji Pukal: Minimum RM 2,800.00  
Maksimum RM 8,000.00
- (g) Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab dalam operasi penyediaan makanan untuk memastikan diet normal, diet terapeutik atau tube feeding yang disediakan untuk pesakit adalah betul, mengikut preskripsi dan menepati tahap kualiti perawatan.

**JAWATAN : CHEF DE PARTIE**

**KUMPULAN : B**

**KEKOSONGAN : SATU (1)**

**Syarat Lantikan:**

- (a) Calon berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (b) Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memperolehi Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu; **DAN**
- (c) Memiliki diploma dalam mana-mana bidang pengurusan perkhidmatan makanan, pengurusan hotel dan katering, seni kulinari atau bidang lain yang berkaitan daripada institusi pengajian tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (e) Gaji Pukal : Minimum RM 2,200.00  
Maksimum RM 5,000.00
- (f) Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab dalam pengurusan penyediaan makanan, merancang perbelanjaan, merancang menu, menyelia pengendalian makanan termasuk kebersihan dan keselamatan makanan.

**JAWATAN : PEMBANTU PENTADBIRAN**  
**KUMPULAN : C**  
**KEKOSONGAN : SATU (1)**

**Syarat Lantikan:**

- (a) Calon berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
**DAN**
- (b) Memiliki kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan memperolehi Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu;
- (c) Gaji Pukal : Minimum RM 2,000.00  
Maksimum RM 4,000.00
- (d) Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

**JAWATAN : TUKANG MASAK**  
**KUMPULAN : C**  
**KEKOSONGAN : TUJUH (7)**

**Syarat Lantikan:**

- (a) Calon berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;  
**DAN**
- (b) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **DENGAN** Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu; **DAN**
- (c) Memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 / Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (d) Keutamaan kepada calon yang berpengalaman dalam bidang Perkhidmatan Makanan.
- (e) Gaji Pukal : Minimum RM 2,000.00  
Maksimum RM 4,000.00
- (f) Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab memasak secara bufet dan makanan berbungkus serta menjaga keselamatan dan kebersihan peralatan dan dapur.

**JAWATAN : KREW PERKHIDMATAN**

**KUMPULAN : D**

**KEKOSONGAN : TIGA (3)**

**Syarat Lantikan:**

- (i) Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;**DAN**
- (ii) Memiliki Pentaksiran Tingkatan Tiga atau Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **DENGAN** Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu.
- (iii) Keutamaan : Berpengalaman dalam bidang Perkhidmatan Makanan
- (iv) Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan keselamatan cafe dan peralatan serta membancuh minuman.

**JAWATAN : KREW STEWARD**

**KUMPULAN : D**

**KEKOSONGAN : DUA (2)**

**Syarat Lantikan:**

- (i) Calon berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;**DAN**
- (ii) Memiliki Pentaksiran Tingkatan Tiga atau Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **DENGAN** Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu.
- (iii) Keutamaan : Berpengalaman dalam bidang Perkhidmatan Makanan
- (iv) Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan peralatan dan ruang dapur serta menjaga inventori.